

# 'Industri kreatif mampu dieksport'

BH - 8/11/2019 ml: 2

ASWARA mampu sedia produk kreatif berkualiti untuk pasaran tempatan dan antarabangsa

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kandungan industri kreatif seperti filem, drama dan animasi mampu menjadi eksport yang boleh menguntungkan negara sekiranya produk yang dihasilkan berkualiti, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bagi merealisasikan hasrat itu, Perdana Menteri berkata, pelajar dalam bidang seni dan budaya mampu memberi sumbangan dalam industri kreatif yang sedang berkembang pesat kini.

Malaysia membuktikan kelas tersendiri apabila karya animasi seperti *Upin dan Upin*, *Ejen Ali* dan *BoBoiBoy The Movie* mendapat perhatian pada peringkat antarabangsa.

Dr Mahathir percaya, berikutan wujudnya pelbagai fakulti di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), institusi itu mampu menyediakan kandungan serta produk kreatif lebih berkualiti untuk pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Industri kreatif adalah sektor yang sedang berkembang maju di Malaysia. Sehingga 31 Mac 2019, terdapat 345 syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia di bawah kluster kandungan kreatif dan teknologi daripada jumlah keseluruhan 2,986 syarikat berstatus MSC Malaysia



**Sahar Sa'adi menyampaikan Ijazah Kehormat Kedoktoran Seni Kreatif (Pembangunan Kesenian Kebudayaan) kepada Dr Mahathir pada Istiadat Konvokesyen ASWARA Ke-15, di Kuala Lumpur, semalam.** (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

yang aktif.

"Pada 2018, syarikat berstatus MSC Malaysia di bawah kluster ini mencatatkan nilai jualan sebanyak RM7.69 bilion dengan nilai eksport sebanyak RM1.4 bilion dan menyediakan sebanyak 11,471 peluang pekerjaan.

"Saya yakin industri kreatif negara ini akan memberi sumbangan yang positif terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)," katanya berucap selepas dianugerahkan Ijazah Kehormat Kedoktoran Seni Kreatif (Pembangunan Kesenian Kebudayaan) sempena Konvokesyen

ASWARA Ke-15, di sini semalam.

Anugerah disampaikan Rektor ASWARA, Prof Madya Sahar Sa'adi Hashim dengan disaksikan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Mohamaddin Ketapi.

Penganugerahan itu sebagai penghargaan dan penghormatan tinggi buat Dr Mahathir di atas jasa serta pengorbanannya dalam membangun dan melestarikan bidang kesenian, kebudayaan dan warisan.

Dalam istiadat sama, isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut dikurniakan

Ijazah Kehormat Kedoktoran Seni Kreatif (Promosi Seni Kreatif) di atas sokongan padu serta mengangkat industri seni persembahan tanah air.

Dr Mahathir berkata, beliau dan isteri terharu dengan anugerah yang diberikan dan berterima kasih kepada ASWARA dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

"Terlebih dahulu saya ucap terima kasih kepada ASWARA dan MOTAC di atas anugerah Ijazah Kehormat Kedoktoran Seni Kreatif (Pembangunan Kesenian Kebudayaan) kepada saya dan Ijazah

Kehormat Kedoktoran Seni Kreatif (Promosi Seni Kreatif) kepada isteri saya.

"Saya diberitahu ini julung kali Ijazah Kedoktoran Seni Kreatif diperkenalkan di Malaysia oleh ASWARA iaitu sebuah institusi pendidikan tinggi seni yang mempunyai prasarana dinamik di Malaysia," katanya.

"Penganugerahan ini sudah pasti sangat amat bermakna buat kami. Tetapi, yang lebih penting ialah anugerah ini meletakkan seni dan budaya sebagai satu subjek yang perlu mendapat perhatian," katanya.